

## BORANG PENYERTAAN

### Cara Cara Penyertaan:

#### Langkah Satu

Beli mana-mana produk berikut dan sertakan bukti pembelian yang ditunjukkan sebelah:

**Produk: (a) JACKER Potato Crisps - 160gm / 75gm  
(b) JACKER Potato Chips - 60g**



atau



#### Langkah Dua

Sila jawab pada soalan yang diberikan:

**"Jacker Potato Crisps" mempunyai pelbagai perisa seperti perisa Asli, Pedas dan Berempah, Tomato, BBQ, Sayuran dan Krim Masam & Bawang.**

Betul

Salah

#### Langkah Tiga

Tandatangan perkataan "Jacker" dengan cara yang paling kreatif dalam kotak besar di bawah.

#### Langkah Empat

Hantarkan borang-borang penyertaan serta bukti pembelian anda kepada

**"Cash Extravaganza Contest with Jacker"**

**Oriental Food Industries Sdn. Bhd.**

**P.O.Box 344, 75760 Melaka.**

### Sila Isikan Butir Peribadi Anda:

Nama Penuh: \_\_\_\_\_ No. Sijil Kelahiran / No. K/P (Baru): \_\_\_\_\_ Umur: \_\_\_\_\_

(seperti dalam Sijil Kelahiran atau K/P)

Nama Ibubapa / Penjaga (Jika perlu): \_\_\_\_\_

Alamat Kediaman: \_\_\_\_\_

Poskod: \_\_\_\_\_ Negeri: \_\_\_\_\_

No Telefon (Rumah): \_\_\_\_\_ (Bimbit): \_\_\_\_\_ E-mel: \_\_\_\_\_

### SYARAT-SYARAT & PERATURAN-PERATURAN PERADUAN "CASH EXTRAVAGANZA CONTEST with JACKER"

Peraduan ini tertakluk kepada syarat-syarat serta peraturan-peraturan berikut. Para peserta bersetuju bahawa mereka telah membaca dan memahami syarat-syarat serta peraturan-peraturan yang berikutan ini dan akan terikat dengannya.

#### KELAYAKAN

- Peraduan "Cash Extravaganza Contest with Jacker" ["Peraduan"] dianjurkan oleh Oriental Food Industries Sdn Bhd (38289-A) ["pihak Penganjur"].
- Peraduan ini terbuka kepada semua penduduk Malaysia berumur 7 tahun dan ke atas. Peserta yang berusia 7 hingga 17 tahun diwajibkan melengkapkan butir-butir ibubapa atau penjaga untuk layak menyertai. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan pembatalan penyertaan.
- Golongan individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:
  - a) Kakitangan pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
  - b) Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau promosi pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

#### TEMPOH PERADUAN

- Peraduan ini akan berlangsung dari 1 September 2011 hingga 30 November 2011 ["Tempoh Peraduan"]. Pihak Penganjur berhak untuk membuat pindaan ke atas Tempoh Peraduan pada bila-bila masa ataupun menamatkan peraduan tanpa sebarang notis.
- Pihak Penganjur juga berhak untuk mengubah syarat dan peraturan peraduan tanpa memberi sebarang notis kepada peserta. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan.

#### PENGHANTARAN PENYERTAAN & KRITERIA KELAYAKAN

- Setiap pembelian produk "Jacker Potato Chips" atau "Jacker Potato Crisps" yang turut serta akan melayakkan anda menyertai Peraduan ini.
- Sila rujuk kepada "Cara-Cara Penyertaan" diatas untuk Jadual Bukti Pembelian ["Jadual BP"] bagi senarai produk yang turut serta dan bukti pembelian ["Bukti Pembelian"] yang diperlukan untuk menyertai Peraduan ini.
- Bukti Pembelian yang harus disertakan dengan Borang Penyertaan ini ialah satu jenama "Jacker" dari "Jacker Potato Chips" dalam sebarang saiz atau kerajang aluminium "Jacker Potato Crisps".
- Setiap penyertaan yang dihantar mesti diisi secara individu dan original, lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki dan mesti disertakan dengan Bukti Pembelian yang asal.
- Borang penyertaan yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau tidak tepat, penyertaan dengan jawapan yang salah, penyertaan dengan Bukti Pembelian yang salah dan/atau rosak akan dibatalkan secara automatik.
- Setiap peserta layak/berhak menghantar lebih daripada satu (1) borang penyertaan tetapi setiap borang penyertaan mesti disertakan dengan satu (1) Bukti Pembelian yang asal di dalam satu (1) sampul surat. Sampul surat yang mengandungi borang penyertaan dan/atau Bukti Pembelian berganda akan dibatalkan.
- Salinan fotostat borang penyertaan diterima, dengan syarat setiap borang penyertaan mesti diisi secara individu dan original.
- Borang peraduan yang tidak lengkap, tidak sah atau tidak tepat, penyertaan dengan jawapan yang salah, sukar dibaca, rosak, lewat atau tidak mempunyai bukti pembelian yang betul dikira tidak layak.
- Setiap borang penyertaan mesti dikirim/dihantar menerusi pos biasa ke alamat yang di nyatakan. Setiap borang penyertaan yang diterima melalui khidmat penghantaran, perkhidmatan kurier, POS Laju dan/atau lain-lain bentuk penghantaran selain pos biasa akan terbatal secara automatik.
- Bukti pos borang penyertaan tidak dianggap sebagai bukti penerimaan oleh pihak Penganjur.

#### HADIAH-HADIAH

- Hadiah Pertama : Wang Tunai RM 30,000. Hadiah Kedua : Wang Tunai RM 20,000. Hadiah Ketiga : Wang Tunai RM 10,000. Hadiah Keempat : Wang Tunai RM 5,000. Hadiah Saguhati : RM 1,000.
- Setiap pemenang hanya layak menerima satu hadiah sahaja.
- Semua pemenang akan diminta menunjukkan kad pengenalan ataupun surat beranak masing-masing untuk melayakkan mereka menerima hadiah tersebut.
- Hadiah adalah hak peribadi pemenang dan tidak boleh ditukar milik.
- Pihak Penganjur berhak tanpa menyatakan sebarang sebab menggantikan hadiah-hadiah di atas dengan hadiah-hadiah yang lain tanpa sebarang notis kepada pemenang/ peserta peraduan ini.
- Pemenang-pemenang akan dihubungi melalui telefon ataupun sebarang cara yang dianggap sesuai oleh Penganjur.
- Penganjur juga akan mengumumkan keputusan peraduan disuratkhabar tempatan.
- Sekiranya pihak Penganjur, atas apa jua sebab tidak dapat menghubungi pemenang dalam jangka masa yang munasabah, pihak Penganjur berhak memilih pemenang yang lain.
- Pihak Penganjur berhak memilih pemenang alternatif sekiranya mereka mempunyai asas yang munasabah untuk mempercayai bahawa pemenang yang terpilih telah melanggar sebarang syarat dan peraturan peraduan yang ditetapkan.
- Keputusan para pengadil daripada pihak Penganjur adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayani.

#### LIABILITI DAN TANGGUNGJAWAB

- Para pemenang bertanggungjawab terhadap semua cukai yang berkenaan dan perbelanjaan yang tidak disebutkan dalam penerangan mengenai hadiah tersebut.
- Peserta dan pemenang akan bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang kerugian, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) kerana mengambil bahagian dalam Peraduan serta semasa mengambil dan/atau menggunakan hadiah dan bersetuju bahawa pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti dan melepaskannya daripada sebarang tanggungan.
- Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau kos perbelanjaan lain yang berkaitan untuk menyertai Peraduan dan menuntut hadiah adalah bertanggungjawab tunggal peserta-peserta dan pemenang-pemenang sepenuhnya.

#### HAK PIHAK PENGANJUR

- Pihak Penganjur berhak menggunakan nama dan/atau gambar sebagai bahan untuk tujuan pengiklanan dan/atau publisiti yang difikirkan sesuai tanpa sebarang notis dan persetujuan daripada pemenang terlebih dahulu.
- Pemenang tidak berhak membuat tuntutan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.
- Pemenang-pemenang dimestikan menghadiri majlis penyampaian hadiah atau aktiviti-aktiviti awan tertentu yang berkaitan dengan program publisiti peraduan ini ( jika perlu ).
- Pemenang-pemenang mestilah menerima hadiah mereka sendiri.
- Dengan menyertai Peraduan ini, peserta bersetuju untuk mematuhi dan tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan rasmi (termasuk sebarang syarat dan peraturan yang ditetapkan dari masa ke semasa tanpa merujuk kepada peserta) dan keputusan yang dibuat oleh pihak Penganjur.
- Peserta atau pemenang yang gagal untuk menepati dan mematuhi sebarang syarat dan peraturan peraduan ini akan dibatalkan penyertaannya serta kelayakan menerima hadiah secara automatik.
- Semua keputusan mengenai semua perkara berhubung dengan Peraduan ini adalah hak muktamad Penganjur.